

PERATURAN DAN SYARAT PERTANDINGAN

1. FORMAT PERTANDINGAN

1.1 Jawatankuasa Teknik dan Pertandingan akan mengambil segala tindakan dan membuat semua keputusan yang perlu bagi menentukan pertandingan dijalankan dengan sempurna tertakluk kepada peraturan ini.

2. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

2.1 Perlawanan ini akan dijalankan secara kalah mati (knock-out).

2.2 Masa perlawanan ialah 7 minit bagi separuh masa pertama dan 7 minit bagi separuh masa kedua serta 1 minit untuk masa penukaran tempat.

2.3 Dua pemain simpanan boleh diganti dalam masa perlawanan. Mana-mana pemain yang kena ganti ini tidak boleh bermain lagi dalam perlawanan tersebut termasuk tendangan penalti.

2.4 Pemain-pemain yang dikenakan **KAD KUNING** dua kali dalam pertandingan ini tidak dibenarkan bermain untuk satu perlawanan berikutnya(Digantung satu perlawanan).

2.5 Pemain yang dikenakan **KAD MERAH** iaitu dikenakan perintah buang padang tidak dibenarkan bermain terus dalam pertandingan ini.

2.6 Satu masa tidak melebihi 5 minit akan diberikan kepada pasukan yang lewat daripada masa yang ditetapkan. Selepas daripada masa ini pasukan lawan yang mempunyai pemain minimum dikira mendapat kemenangan percuma tertakluk kepada para 6.1 dan 6.2.

2.7 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknik dan Pertandingan dengan kerjasama pengadil rasmi. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa ini adalah **MUKTAMAD**.

2.8 Undang-undang ini hendaklah mengikut dan selaras dengan undang-undang yang berkuatkuasa sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Bola Sepak Antarabangsa(FIFA).

3. PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PEMAIN.

3.1 Setiap pemain hendaklah mengemukakan nama 9 pemain dan 2 pemain simpanan serta nombor jersi mereka didalam borang pendaftaran.

3.2 Setiap pemain hanya dibenarkan untuk mewakili satu pasukan sahaja dan sebarang penukaran pemain hendaklah dilakukan 15 minit sebelum perlawanan pertama yang melibatkan pasukan tersebut.

3.3 Penyertaan pemain-pemain adalah tertakluk kepada senarai pendaftaran pemain yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Teknik dan Pertandingan dengan kerjasama Jawatankuasa Pendaftaran.

3.4 Pemain-pemain yang digantung oleh mana-mana Badan Bola Sepak Kebangsaan dan negeri serta gabungannya tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.

4. PAKAIAN/ALATAN

4.1 Setiap pasukan mestilah mempunyai jersi mengikut warna yang didaftarkan oleh pasukan masing-masing.

4.2 Setiap pemain dikehendaki memakai"Shin Guard"

4.3 Tiap-tiap pasukan yang disebut dahulu dalam sesuatu perlawanan adalah dianggap sebagai tuan rumah dan dikehendaki menukar jersinya sekiranya kedua-dua pasukan memakai jersi yang sama warnanya.

5. PENENTUAN KEMENANGAN

5.1 Pasukan yang dapat menjaringkan gol terbanyak didalam satu-satu perlawanan akan dikira sebagai pemenang.

5.2 Jika keputusan seri setelah tamat tempoh masa sebenar(15 minit), 5 tendangan penalti akan diberikan. Jika keputusan seri selepas tendangan penalti, pemenangan akan ditentukan melalui lambungan syiling.

5.3 Semua keputusan pengadil adalah **MUKTAMAD**.

6. BILANGAN PEMAIN YANG MENCUKUPI.

6.1 Sekurang-kurangnya mestilah ada 7 pemain bagi sesuatu pasukan berada di padang sebelum perlawanan dimulakan. Jika kurang daripada ini, pasukan tersebut dikira memberi kemenangan kepada pasukan lawan.

6.2 Jika Kedua-dua pasukan tidak dapat menurunkan sekurang-kurangnya 7 orang pemain apabila pengadil memerintah supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang ditetapkan, maka Pengadil hendaklah melaporkan perkara tersebut kepada Jawatankuasa Pertandingan yang akan mengambil tindakan yang difikirkan perlu.

7. BANTAHAN

7.1 Semua bantahan mengenai pertandingan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 15 minit selepas pertandingan tamat kepada Jawatankuasa Tatatertib dan Rayuan.

7.2 Semua bantahan hendaklah disertakan dengan bayaran wang tunai sebanyak RM 200 sebelum ianya boleh dipertimbangkan.

7.3 Bayaran bantahan akan dikembalikan sekiranya bantahan tersebut diterima tetapi tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan ditolak.

7.4 Keputusan Jawatankuasa Rayuan adalah **MUKTAMAD**.

8. PERLAWANAN YANG DITUNDA DAN DIHENTIKAN

8.1 Sekiranya pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai untuk pertandingan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan maka Jawatankuasa Teknik dan Pertandingan dengan nasihat pengadil akan menunda pertandingan ini ke suatu tarikh, tempat dan masa yang akan ditentukan kemudian.

8.2 Sekiranya berlaku perubahan tarikh, tempat dan masa pertandingan, Yuran Pendaftaran tidak akan dikembalikan.

9. KESELAMATAN DAN KEBERSIHAN

9.1 Pihak Jawatankuasa Penganjur tidak akan bertanggungjawab keatas sebarang kehilangan, kerugian, kemalangan dan kecederaan semasa pertandingan ini.

9.2 Setiap pasukan dipohon member kerjasama didalam hal-hal keselamatan, kebersihan dan disiplin pemain-pemain serta adap sopan berpakaian dan penukaran pakaian sukan semasa pertandingan ini dijalankan.